



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## MALAYSIA - SINGAPORE MOT FRIENDSHIP GAMES SABTU, 2 OGOS 2025

1. Program sukan persahabatan MOT Malaysia – Singapura telah diadakan di SAFRA Choa Chu Kang, Singapura pada 2 Ogos 2025 (Sabtu). Program ini yang dirasmikan bersama oleh Mr. Yee Ping Yi, Deputy Secretary (Strategy, Sustainability and Technology) MOT Singapura dan YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT Malaysia. .
2. Program ini melibatkan 60 orang peserta mewakili agensi daripada MOT Malaysia dan Singapura. Ianya dilaksanakan bertujuan untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama erat yang telah lama terjalin antara MOT Malaysia dan Singapura. Program tahunan ini, yang kali terakhir diadakan pada tahun 2007 di Kuala Lumpur, telah terhenti sekian lama sebelum dihidupkan semula pada tahun ini di Singapura. Ia merupakan kesinambungan semangat diplomasi sukan, bukan sahaja sebagai platform interaksi sosial tetapi juga sebagai simbol toleransi dan persefahaman di peringkat MOT antara kedua-dua negara
3. Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Mr. Lau Peet Meng, Setiausaha Tetap MOT Singapura. YBhg. Dato' Normah Osman yang mewakili MOT Malaysia juga turut menyampaikan ucapan penutup serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang.
4. Dua acara sukan indoor telah dipertandingkan iaitu bowling dan dart dengan matlamat memupuk semangat kerjamasa dalam kalangan peserta kedua-dua negara. Singapura selaku tuan rumah edisi 2025 telah menjayakan kemudahan terbaik serta menarik sepanjang program dilaksanakan.
5. Program MOT Friendship Games 2025 ini mencerminkan matlamat strategik kedua-dua negara untuk terus membina hubungan dan memperkuuh silaturrahim antara dua negara jiran melalui acara sukan. Program ini akan diteruskan pada tahun hadapan, di mana MOT Malaysia akan menjadi tuan rumah dengan mensasarkan penyertaan lebih banyak agensi daripada MOT Malaysia dan Singapura.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

# GAMES 2025



# GAMES 2025





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

